



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 23 BILANGAN 14

RABU 5HB. APRIL, 1978.

1398 ربيع الاخير 26

PERCHUMA

MENGHINDARKAN SALAH-GUNA DADAH T-JAWAB BERSAMA — S.U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN.—Ada-lah menjadi tanggung-jawab semua pihak di-kalangan ibu-bapa2, guru2 dan penuntut2 dalam usaha menghindarkan anak2 dan penuntut2 dari terlibat dalam penyalah-gunaan dadah di-negeri ini.

Kapada ibu-bapa2, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Setia Usaha Kerajaan Brunei berseru agar mereka akan lebih berusaha memahami pergerakan dan kehidupan anak2 mereka supaya jangan sampai jauh terlibat dalam hal dadah.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya telah menekankan demikian sa-jurus sa-belum beberapa cheramah mengenai dadah di-sampaikan di-Simposium Penyalah-gunaan Dadah di-Dewan Kuliah, Bangunan Peringatan Churchill di-sini pagi Ahad minggu lepas.

Dalam simposium yang julong2 kali di-adakan di-negeri ini yang di-anjurkan oleh Persatuan Kimia Brunei itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya berkata sungguh pun soal dadah di-negeri ini bukan lagi satu perkara yang asing tetapi sekarang ia-nya telah menimbulkan masalah di-kalangan muda-mudi terutama mereka yang masih menuntut.

"Dan semua yang berkaitan terutama sekali ibu-bapa2 yang mempunyai anak2 melalui perjumpaan hari ini, saya ingin berseru kepada ibu-bapa2 supaya akan lebih berusaha dan bergiat pada mengetahui pergerakan serta kehidupan anak2 mereka sa-tiap hari supaya jangan sampai penglibatan anak2 mereka dalam hal2 dadah di-ketahui hanya pada peringkat yang sudah jauh berkembang", tegas Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya.

Menerusi ini, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya menambahkan, ibu-bapa perlu mengetahui ka-mana pergi-

nya wang yang di-berikan kepada anak2 mereka itu di-belanjakan.

Kapada guru2, Yang Berhormat itu sa-terus-nya mengingatkan, mereka jangan-lah "chamah-mata" dan guru2 juga perlu-lah melaporkan kepada pihak2 yang berkenaan dalam mengawasi hal tersebut dengan tujuan untuk kesempurnaan penuntut2 itu sendiri.

"Saya sa-lanjut-nya berseru kepada penuntut2 atau muda-mudi yang telah melibatkan diri mereka dalam segala aspek dadah itu supaya berterus-terang kepada pihak yang berkenaan agar mereka dapat di-selamatkan dalam keadaan yang masih awal demi untuk kepentingan mereka sendiri", jelas Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya mengingatkan penuntut2.

Menyentuh dengan cheramah khas yang di-berikan oleh Dr. Chao Tzee Cheng di-simposium tersebut, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya berharap agar peserta2 yang menghadiri simposium itu yang terdiri dari beberapa orang kaki-tangan Kerajaan, swasta dan per-sendirian akan dapat digunakan menurut aspek dan tugas mereka jalankan demi untuk mengatasi, mengawal dan menghapuskan masalah tersebut di-negeri ini.

"Bagi orang2 Islam tidak shak lagi bahawa memakan dadah dan semua mereka yang terlibat dengan-nya ada-lah merupakan perkara yang di-tegah dan oleh itu wajib di-hindarkan kerana antara lain Ugama Islam sa-penoh-nya menyedari terhadap kerosakan2 kapada masyarakat dan persendirian yang timbul akibat dadah itu", Yang Berhor-



Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz berucap di-simposium tersebut.

mat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya menjelaskan lagi di-akhir ucapan-nya.

Terdahulu dari itu Yang Berhormat itu juga menga-lu2kan penubuhan Persatuan Kimia Brunei yang bertujuan untuk menyumbangkan bakti ahli2-nya dalam bidang ilmiah dan Yang Berhormat berkata lagi, penubuhan badan2 ilmiah seperti itu tentu-nya mendapat pujian serta di-galakan memandangkan perkembangan negara dan raa-yat ketika ini telah menghadapi satu keadaan yang memerlukan peranan ahli2 cherdek-pandai pada me-

nambah dan meluaskan lagi ilmu pengetahuan dalam bidang masing2.

Dr. Chao Cheng, sa-orang pakar kaji penyakit jenayah dari Singapura yang di-undang untuk memberikan cheramah khas di-simposium itu telah juga di-sertai oleh cheramah dari ASP Pengiran Hamzad bin Pg. Hj. Ismail, sa-orang pegawai Polis Kanan.

Simposium itu telah di-hadiri oleh ahli2 profesional pertubuhan kimia Brunei dan tetamu khas dari jabatan2 Kerajaan dan Shell serta doktor persendirian di-negeri ini.

Langkah2 utk. menchegeh wabak kolera dari merebak ka-negeri ini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Orang ramai di-negeri ini di-nasihatkan supaya mengambil langkah kesihatan yang ketat bagi menchegeh merebak-nya wabak kolera ka-negeri ini.

Pegawai Perubatan Bahagian Kesihatan, Dr. P. Durayappah dalam satu kenyataan-nya berkata, langkah berjaga2 itu ada-lah perlu memandangkan bertambah-nya kejadian wabak tersebut di-negeri2 jiran terutama di-Semenanjung Malaysia dan Singapura.

Kata-nya beberapa buah negeri di-Malaysia telah di-ishtiharkan sa-bagai ka-

wasan yang di-jangkiti oleh penyakit tersebut dan beberapa buah sekolah terpaksa di-tutup.

Oleh itu, orang ramai ada-lah di-kehendaki mengambil langkah2 kesihatan dan mematuhi peratoran2 seperti berikut:

* Makan hanya makanan yang sudah di-masak. Semua makanan dan buah2an mesti-lah di-basoh dengan berse2 sa-belum di-makan.

* Ayer hendak-lah di-masak sa-belum di-minum

* Chuchi tangan dengan menggunakan sabun sa-belum makan dan jaga kebersihan di-sekeliling rumah.

J-K Perayaan Hari Keputeraan Baginda Sultan di-bentok

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Tertinggi Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-32 tahun bagi Daerah Brunei dan Muara telah di-bentok.

Jawatankuasa yang mengandungi 31 orang anggota itu telah di-bentok dalam satu mashuarat di-Dewan Bandaran di-sini pada hari Sabtu lalu. Mashuarat tersebut telah di-hadiri oleh pegawai2 kanan Kerajaan, pengurus2 sharikat perniagaan, wakil2 kaum dan Penghulu2 dan Ketua2 Kampong.

Mashuarat pada hari itu dengan sa-bulat suara telah melantek Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz sa-bagai Penasehat Jawatankuasa tersebut.

Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Mohd. Salleh bin Haji Hidup telah di-lantek sa-bagai Pengerusi Tertinggi Perayaan pada tahun ini.

Beliau di-bantu oleh dua orang Timbalan ia-itu Pengerang Kebajikan, Belia dan Sokan, Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerna-

Raja Dato Setia Awang Haji Hussain dan Pmk Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Awg Chuchu bin Penglima Asgar Haji Abdullah.

Ketua Yunit Latchan, Jabatan Perjawatan, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif telah di-lantek sa-bagai Setia Usaha Agong Tertinggi.

Timbalan Setia Usaha I ia-lah Penolong Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Abd Hamid bin Ismail; Timbalan Setia Usaha II — Pg Haji Tanjuddin bin Pg Anak Hashim dan Timbalan S.U. III — Awang Zainal Abidin bin Md Tahir.

Awang Lim Beng Siong di-lantek sa-bagai Bendahari sementara Pengiran Metussin bin Pg Haji Lampong dan Awang Abd Hafidz Laksamana masing2 di-lantek sa-bagai Timbalan Bendahari.

Pemereksa Kira2 ia-lah Pg Ali Hassan bin Pg Dato Haji Abas dan Awang Haji Moxsin bin Pukul.

Sa-ramai 17 orang juga telah di-pilih sa-bagai ahli jawatankuasa kewangan.

Pegawai Keselamatan ia-lah Penguasa Polis Daerah, Bandar Seri Begawan.

Sa-banyak 28 jenis acara telah di-chadangkan dalam mashuarat itu. Sa-bahagian besar dari acara itu ada-lah sa-rupa seperti yang di-adakan pada tahun lalu.

Saperti biasa perayaan2 bagi Daerah Brunei/Muara itu akan di-adakan pada pertengahan bulan Julai.

Pindah ka- Pejabat baru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ibu Pejabat Pendaftaran di-Jalan Kianggeh telah berpindah ka-pejabat baru-nya di-Kompleks Suri Seri Begawan di-Jalan Tutong pada 1hb April yang lalu.

Pesuruhjaya Pendaftaran Kebangsaan menyatakan bahawa mulai dari tarikh itu, semua urusan2 berhubungan dengan Kad Pengenalan hendak-lah di-buat di-pejabat baru itu.



Pelita Brunei

ANWAR
RASHMI
KEAJAAN
NEGERI
BRUNEI

5HB APRIL, 1978

MASAALAH DADAH TANGGONG-JAWAB MASHARAKAT

MASAALAH ketagah dadah, ada-lah merupakan suatu masalah masyarakat terutama di-kalangan belia atau penuntut2 dewasa ini. Di-lain2 negeri di-dunia ini berbagai chara, tindakan atau hukuman telah di-lakukan terhadap penagah, pengedar atau penyalah-gunaan dadah. Alhamdulillah, kita di-Brunei ini, sungguh pun masalah dadah itu bukanlah perkara yang di-katakan asing kepada kita dan mulai menimbulkan masalah terutama sekali di-kalangan belia yang masih menuntut; dan walau pun masalah itu merupakan masalah dalam keadaan baru atau dalam peringkat awal, akan tetapi Insha Allah dengan berkat kerjasama terutama sekali para ibu-bapa, penaga penuntut, guru2 dan orang ramai; masalah tersebut yang sedang di-hadapi itu dapat di-kawal dan terkawal!

Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg Haji Abdul Aziz, ketika berucap di-symposium penyalah-gunaan dadah, anjuran Persatuan Kimia Brunei, pada minggu lalu telah mengingatkan terutama sekali kepada para ibu-bapa yang mempunyai anak supaya berusaha atau berkit pada mengetahui sa-tiap pergerakan serta kehidupan anak2 mereka sa-tiap hari supaya jangan sampai penglibatan anak2 mereka dalam hal2 dadah itu di-ketahui hanya pada peringkat yang sudah jauh berkembang.

Menurut Yang Berhormat itu, biar-lah, mithal-nya, wang2 yang di-belanjakan oleh anak2 yang di-berikan oleh ibu2bapa itu di-ketahui ka-mana pergi-nya. Dan kepada guru2 yang banyak bergaul dengan penuntut2 mereka sendiri juga di-ingatkan, jangan chamah-mata melihat gerak-geri penuntut2 supaya melaporkan kepada pihak yang bertanggung-jawab dalam mengawasi hal dadah ini sa-mata2 untuk kesempurnaan penuntut2 itu sendiri.

Kapada belia atau penuntut2 yang telah melibat-kan diri mereka dalam segala aspek dadah itu, ada-lah di-serukan supaya mereka itu berterus terang kepada pihak yang bertanggung-jawab supaya mereka itu akan dapat di-selamatkan dalam keadaan yang masih awal atau sa-belum terlambat demi untuk kepentingan mereka sendiri.

Kapada orang ramai juga di-serukan supaya bersama2 bertanggung-jawab untuk mengawasi kegiatan penagah, pengedar atau penyalah-gunaan dadah itu dapat di-kesan serta melaporkan-nya kepada pihak yang berwajib — dengan berbuat demikian dan kerjasama itu saja-lah masalah dadah yang sedang di-hadapi oleh masyarakat dewasa ini akan dapat di-atasi. Kerana walau apa bentuk atau rupa hukuman pun ia-nya tidak akan mendatangkan apa2 kesan tanpa ada-nya kerjasama dari masyarakat yang di-maksudkan itu. Masalah dadah ada-lah masalah masyarakat dan sewajarnya-lah menjadi kewajipan atau tanggung-jawab masyarakat itu sendiri untuk memberikan kerjasama dalam semua aspek penyalah-gunaan dadah itu pada mengawasi-nya.

J/K Sekolah Melayu OKPB

KUALA BELAIT. — Pengerusi Sekolah2 Daerah Belait, Pg Besar bin Pg Haji Ahmad telah di-pilih sebagai Penaong dan Penasehat Jawatankuasa baru Sekolah Melayu OKPB Bukit Sawat dalam satu mashuarat pembentokan jawatankuasa sekolah tersebut pada 24hb Mach lalu.

Pengerusi Jawatankuasa tersebut ia-lah Orang Kaya Indera Perkasa Awang Sahari bin Karim semem-tara Malai Salleh bin Malai Haji Yahya sa-bagai Naib-

Pengerusi-nya. Lain2 ahli jawatankuasa ia-lah Setia Usaha—Che'gu Harun bin Saban; Naib Setia Usaha—Che'gu Jumat bin Kadir; Bandahari—Ustaz Ahmad bin Othman dan Awang Jaya bin Selamat; Pemereksa kira2 — Che'gu Metussin bin Osman dan Awang Abu Bakar bin Abdullah.

Sa-lain dari itu, mashuarat juga telah memilih beberapa orang yang mewakili kampung sa-bagai ahli jawatankuasa.

DARI BILEK TAKLIMAT

SIRI KESEMBILAN

SA-BELUM kita melanjutkan tinjauan kita ka-Mukim dan kampung2 sekarang mari-lah kita mengikuti dahulu tinjauan kita ka-Jabatan Pelajaran ia-itu salah sa-buah Jabatan yang penting di-negara kita ini. Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui Jabatan Pelajaran ini tidak kendor2-nya memberi peruntokan yang banyak. Pada tahun ini Kerajaan memperuntokan kira2 \$77 juta bagi perkembangan pelajaran melalui jabatan tersebut. Peruntokan yang begitu banyak ada-lah demi memenuhi hasrat kerajaan bagi membolehkan raayat dan penduduk negeri ini memenuhi dada dengan ilmu pengetahuan. Kerana kita sedar bahawa dengan ada-nya ilmu pengetahuan ada-lah satu2-nya yang memestakan kemajuan dan perubahan pemikiran raayat demi mengukuhkan lagi chinta kita kapada negara serta bangsa yang kita kasehi ini. Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Sultan akan berbangsa dengan ada-nya masyarakat kita telah mengambil indah dalam pelajaran dalam apa jua bidang sekali pun yang telah di-sediakn oleh kerajaan melalui Jabatan Pelajaran ini.

Bagi memulakan siri ini awda semua akan di-bawa mengikuti perkembangan2 Pelajaran Dewasa di-Jabatan Pelajaran yang kini berjalan dengan pesat-nya dari sa-tahun ka-setahun. Bahagian Pelajaran Dewasa ini mempunyai pegawai2 saperti yang di-sebutkan: Penyusun Pelajaran Dewasa, Awang Haji Umar bin Muhammad, Penolong Penyusun Pelajaran Dewasa, Awang Haji Abdul Hamid bin Othman, Awang Muhammad bin Haji Jeruddin. Di-samping itu bahagian ini juga mempunyai penolong2 ia-itu Pengiran Haji Tajuddin bin Pengiran Anak Hashim dan Awang Asmahan bin Abdulkan.

Bagi melichinkan pentadbiran Bahagian Pelajaran Dewasa ini, Jabatan Pelajaran telah menubuhkan 34 buah pusat di-seluruh negeri yang mana lebeh dari sa-paroh di-tubuhkan di-Daerah Brunei dan Muara. Dengan penubuhan pusat2 ini akan menyenangkan orang ramai untuk mendaftar bagi mengikuti berbagai kelas dewasa.

Daerah Brunei dan Muara

Maktab S.O.A.S.,

Bandar Seri Begawan

S.M.M. S.M.J.A.,

Bandar Seri Begawan

S. M. Pular Ulak

Bandar Seri Begawan

S.M.R.I.F. Bandar Seri

Begawan

Penyelia2

S. Jebaratnam bin Abdullah

K. Nadasasabai

Pg Tajuddin bin Pg Rabaha

Awang Tuah bin Ahmad

Dk Saifah bte Pg Wahid

S.M. Lela Menchanai,
Bandar Seri Begawan
S.M. S.U.A.S., Muara Brunei

S.M. Sengkurong Brunei
S.M. Amar Pahlawan Brunei

Sekolah Rendah Pehin Dato
Jamil, Brunei

Sekolah Melayu Anggerak
Desa, Brunei

Sekolah Melayu Sultan
Lama, BSB, Brunei

S.M. Datu Mahawangsa
Pingai Ayer, Brunei

Sekolah Melayu Gadong,
Sekolah Melayu Dato Gandi

Sekolah Melayu Bendahara
Sakam Bunut, Brunei

S.M. Orang Kaya Besar
Imas Subok, Brunei

S. Rendah P.A.P. Besar,
Kg. Peramu, Brunei

S.M. Datu Mahawangsa
Lambak, Brunei

Sekolah Melayu Sg Kebun
S.M. Tanah Jambu Brunei

Sekolah Melayu Pintu Malim
S. Melayu Jerudong, Brunei

S.M. HMS. Sungai Hanching
S.M. Panchor Murai Brunei

S.M.M. Ahmad Tajuddin, KB

S.I. Perdana Wazir, KB

Maktab Anthony Abell, Seria

S.M.M. Muhammad Alam,
Seria

S.M. Muda Hashim

S. M. Kiudang

S. M. Sinaut

S. M. Lamunin

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

S.M.M. Sultan Hassan
Bangar

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh rendah di-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 30hb Mach, 1978.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. MINYAK MAKAN CHAP BUNGA (3 kati) — \$3.70 sa-tin boleh di-beri dari kedai2 berikut: —

Ming Thai Company,
No. 32, Jalan Sultan.

2. LADA KERING — \$2.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —

a) Tan Eng Huat,
No. 11, Bangunan Guru2 Melayu,

b) Ming Thai Company,
No. 32, Jalan Sultan.

3. ASAM JAWA — 35 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut: —

Hock Huat,
No. 62, Jalan McArthur.

KUALA BELAIT

1. MINYAK MAKAN CHAP BUNGA (3 kati) — \$3.70 sa-tin boleh di-beri dari kedai2 berikut: —

a) Chiong Kee,
No. 1-A, Jalan Pretty

b) Yick Yuen,
No. 3, Jalan Pretty,

c) Guan Heng,
No. 30-C, Jalan Sungai

d) Sia Heng Hong,
No. 31-B, Jalan Sungai

e) Kok Kee,
No. 60, Jalan Pretty

f) Yin Tai,
No. D, Bangunan Dewan

Perdagangan China

2. LADA KERING — \$2.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —

a) Chiong Kee,
No. 1-A, Jalan Pretty

b) Kok Kee,
No. 60, Jalan Pretty

c) Ng Ming Hong,
No. E, Bangunan Dewan

Perdagangan China

3. ASAM JAWA CHAP SINGA — 40 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut: —

a) Yick Yuen,

No. 3, Jalan Pretty

b) Choo Seng,

No. 20, Jalan Pretty

c) Kok Kee,

No. 60, Jalan Pretty

d) S. S. Sa'adiah,

No. 92, Bangunan Hotel Sentosa,

e) Hwa Mee,

Bangunan Foo Chow,

SERIA

1. MINYAK MAKAN CHAP BUNGA (3 kati) — \$3.70 sa-tin boleh di-beri dari kedai2 berikut: —

a) Chop Kun Mee,
No. 6, Jalan Sultan Omar Ali,

b) Chop Yick Heo,
No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.

c) Siang Huat,
No. 40, Jalan Sultan Omar Ali

d) Chop Nam Wah,
No. 64, Jalan Bunga Kenanga.

e) Wong Wah Seng Trading,
No. 73, Jalan Bunga Kenanga.

2. LADA KERING — \$2.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —

a) Siang Huat,
No. 40, Jalan Sultan Omar Ali,

b) Hui Guan,
No. 48-B, Jalan Bunga Kuning;

c) Chop Kim Huat,
No. 53, Jalan Bunga Kuning

d) Siang Yick,
No. 54, Jalan Bunga Kuning.

3. ASAM JAWA CHAP SINGA — 40 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut: —

a) Chop Yick Yee,
No. 7, Jalan Sultan Omar Ali

b) Chop Koh Seng Heng,
No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.

c) Choo Heng Company,
No. 80, Jalan Sultan Omar Ali.

d) Soon Kheng,
No. 50-B, Jalan Bunga Kuning.

e) Siang Yick,
No. 54, Jalan Bunga Kuning.

f) Wong Wah Seng Trading,
No. 73, Jalan Bunga Kenanga,

(BERSAMBONG)

PROJEK PENANAMAN PADI:
JABATAN PERTANIAN SEDIA
MEMBERI BIMBINGAN DAN
GALAKAN KPD. ORG. RAMAI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Pertanian menyatakan dalam satu majlis taklimat-nya di-Bilik Taklimat, Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan baru2 ini bahawa kebanyakan dari kerja2 yang di-jalankan oleh Jabatan Pertanian melibatkan pemujokan, bimbingan atau galakan yang di-tujukan kepada orang ramai supaya mengeluarkan padi. Sebab itu diadakan penyeliidekan2 padi di-Steshen2 Pertanian untuk mendapatkan maklumat yang boleh di-buat shor kepada penanam2 padi di-negeri ini dan bantuan2 baja, ubat2 penyakit, rachun musoh, rachun rumput dan seumpama-nya.

Menyentuh tentang penanaman padi di-perengkat komersial, Pengarah Pertanian itu telah melaporkan satu chadangan untuk membuka Ranchangan Mulaut telah di-persetujui dan meluaskan tanaman padi di-kawasan Layong dan Rambai.

Sa-jauh ini sekim2 padi yang lengkap dengan parit dan tali ayer juga telah di-usahakan di-Kampung2 Kapok, Tanah Jambu, Parit, Salapon, Labi dan Rambai. Dan ada-lah di-harapkan keluasan penanaman padi itu akan dapat di-usahakan dari tahun ka-setahun, jelas-nya.

USAHA TERNAKAN

Menurut Pengarah Pertanian lagi, Jabatan Pert-

nian sejak tiga tahun ke-belakangan ini bertang-gong-jawab bagi mengim-pot lembu2 untuk di-sembeleh. Sekarang tugas itu sa-chara berperengkat telah pun di-serahkan kepada pehak swasta. Ada-lah di-harap-kan tanggung-jawab terse-but akan dapat di-pikul se-penoh-nya oleh pehak swasta pada bulan April tahun ini.

Usaha Jabatan Pertanian seterusnya ia-lah untuk menyusun ranchangan bagi mengim-pot anak2 lembu berumur satu tahun dari Australia untuk di-pelihara dan di-gemokkan sa-hingga umur sa-tahun setengah. Sa-bahagian dari usaha ini akan juga di-jalankan oleh para penternak tempatan dan ada-lah di-harapkan menjelang pertengahan ta-hun 1980, lima puluh peratus dari perbekalan daging lembu di-negeri ini akan dapat di-hasilkan di-Brunei dan lima puluh peratus di-Australia tambah-nya.

Ada-lah di-fahamkan Sharikat Mitsubishi bercha-dang akan menjalankan projek lembu untuk menge-luarkan anak2 lembu yang berumur satu tahun untuk di-pelihara oleh para pen-ternak di-negeri ini. Di-anggarkan 10 ribu lembu pembiakan di-perlukan di-Brunei menjelang tahun 1990; yang memerlukan kawasan sa-luas 20 ribu ekar.

BHG. PENGEMBANG

Bahagian2 dalam Jaba-tan Pertanian dan peranan masing2 juga telah di-sen-toh oleh Pengarah Pertani-an dalam taklimat-nya itu, antara-nya yang paling mustahak ia-lah Bahagian Pengembangan. Bahagian ini memberi nasehat2 pertan-ian kepada para petani melalui lawatan2 Pegawai2 Luar pertanian ka-kam-pung2, hari2 peladang, per-tunjokan2 pertanian, tun-jokchara2 dan seumpama-nya. Ia-nya juga mengada-kan perkhidmatan2 beneh, baja, jentera2 pembajak, rachun2 musoh, ubat2 penya-kit, rachun rumput, dawai2 duri dan lain2 kemudahan untuk para petani.

Pengarah Pertanian me-negaskan supaya Pegawai2 Pertanian di-semua daerah sentiasa di-hubongi untuk memperolehi maklumat2 pertanian yang di-perlukan dan mengundang para peta-ni dari masa ka-semasa un-tok mengadakan lawatan ka-kawasan usaha saperti Steshen2 Pertanian.

Menyentuh dengan pera-nan yang di-berikan kepada orang ramai dalam penge-luaran hasil2 pertanian di-negeri ini, khas-nya padi nampak-nya belum lagi mendatangkan kejayaan yang di-harap2kan; maka Jabatan Pertanian tidak lama lagi akan memulakan penanaman padi-nya sen-diri di-perengkat komersial, kata-nya.



Kelihatan Ketua Pegawai Penerangan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Md. Salleh bin Haji Masri sedang menyampaikan penerangan-nya mengenai dengan maksud dan tujuan majlis2 taklimat sa-umpama ini di-adakan sa-belum Pengarah Pertanian (No 6 dari kanan) menyampaikan taklimat-nya, di-Bilik Taklimat Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan, baru2 ini.

Kursus Khas Tingkatan III dan V

BANDAR SERI BEGAWAN. — Taman Bimbingan Kanak2 (TABIKA), Sharikat Nusa Laila Puteri, di-jangka akan mengada-kan kursus khas bagi tingkatan tiga dan lima kepada penuntut2 yang ingin un-tok menyertai-nya sa-banyak empat kali dalam sa-minggu; sementara bagi penun-tut2 darjah satu hingga enam dan darjah persedia-an 1, 2 dan 3 akan di-ada-kan pada tiap2 hari Jumaat dan Ahad (sebelah pagi).

Ini telah di-nyatakan oleh Penasehat TABIKA, Pengi-ran Amir Yusof minggu ini. Menurut-nya, kursus2 tersebut bertujuan untuk melengkapkan diri bagi pe-nuntut2 untuk menghadapi kemajuan pelajaran yang sedang berjalan dengan pe-

sat-nya di-negeri ini atas kebijaksanaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

"Jika sekira-nya pelajar2 tidak bersiap atau meleng-kapkan diri dari sekarang, maka peluang2 yang di-berikan oleh Kerajaan itu tidak akan dapat di-nekma-ti oleh pelajar2 khusus-nya dan masharakat di-negeri ini umum-nya. Sa-tiap ra-an 1, 2 dan 3 akan di-ada-kan pada tiap2 hari Jumaat dan Ahad (sebelah pagi).

Ada-lah di-fahamkan ba-hawa TABIKA telah mem-buka beberapa chawangan-nya di-kawasan luar bandar bagi memudahkan ibubapa menghantar anak2 mereka



Pengiran Amir Yusof

ka-Taman Asohan atau Bimbingan Kanak2 yang agak jauh sedikit dari ban-dar.



Kanak2 di-TABIKA sedang menghadapi pelajaran dalam darjah dengan di-perhatikan oleh guru-nya.

Jawatankuasa baru S.M. Datu Gandi

DATU GANDI.—Sa-buah jawatankuasa baru bagi 1978/1979 Sekolah Melayu Datu Gandi telah di-ben-tok dalam satu mashuarat yang di-adakan di-Dewan sekolah tersebut baru2 ini.

Mashuarat tersebut telah di-hadhiri oleh penduduk2 dari lima buah kampung di-sekitar Kampung Datu Gandi ia-itu Kampung Pe-lambayan, Sungai Matan, Serdang, Sungai Belukut

serta guru2 sekolah terse-but dan Sekolah Persediaan Ingeris Datu Gandi.

Supt. Awang Yaakub bin PMDR Dato Paduka Haji Zainal telah di-pilih sa-bagai Penasehat Jawatankua-sa tersebut. Awang Md Daud bin Taha di-lantik sa-bagai Pengerusi dan Awang Tan Boon Kong sa-bagai Timbalan-nya. Setia Usaha-nya ia-lah Awang


Puteh Jukin sementara Awang Ismail bin Haji Ibrahim sa-bagai Timba-lannya. Awang Abdul Ra-him bin Abd Latif di-lantik sa-bagai Bendahari. Peme-reksa kira2 ia-lah Awang Md Said bin Abd Rahman dan Awang Md Yusof bin Perak.

Di-samping itu 20 orang yang mewakili tiap2 kam-pung juga telah di-pilih sa-bagai ahli jawatankuasa.



Gambar kenang2an sa-waktu rombongan ahli2 Dewan2 Perniagaan Brunei yang telah meng-adakan lawatan ka-Manila yang baru lalu bergambar bersama2 Dato Bandar Manila (duduk di-tengah2 sekali).

GIANT PLATFORM INSTALLED



Three police officers for courses overseas

GADONG. — The Royal Brunei Police last week sent more of its senior officers to take up courses in Britain and the United States. The three are the OCPD Brunei Muara Superintendent Abdul Rahman bin Awang Besar, Assistant Superintendent Mohammed Freddie Chong and Assistant Superinten-

dent Abdul Rahim bin Haji Mohammad Jaafar both from the Police Headquarters here. Superintendent Abdul Rahman and ASP Mohammed Freddie will take up a three-month long command course at the police college in Branshill while ASP Abdul Rahim will be attached to the National

Academy of the Federal Bureau of Investigations at Quantico. ASP Abdul Rahim will be away for three and a half months and will study investigation methods, psychology and criminology. He is the third Brunei officer to be sent to the United States for this course.



Police corps celebrate birthday

JALAN MUARA. — A drill competition and a sports meet for members of the Police Cadet Corps were held on Sunday to commemorate the first anniversary of the organisation. The drill competition was held at the Police Training Centre here in the morning and the sports meet took place in the afternoon at the SMJA Padang in Bandar Seri Begawan.

The Commissioner of Police Yang Amat Mulia

Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid presented prizes to the winners in the drill competition while those in the sports meet received theirs from the Deputy Director of Education Awg Abdul Razak bin Haji Mohammad. The organisation was formed last year and has to date a total of 465 boy and girl cadets including twenty-four officers and eleven SPOs from thirteen schools in Brunei Muara, Tutong and Belait districts.

Four new schools

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Government has called tenders for the construction of four Malay schools in the Temburong and Brunei Muara districts. Three of the schools will be built at Kampong Selangan, Kampong Negalang and Kampong Semabat in the Temburong District while the fourth will be constructed at Kampong Mata Mata, Gadong. The schools at Kampong Selangan and Kampong

Semabat will each have among other things one block of six classrooms, one administration block, a hall, a kitchen and a playing field. The one in Kampong Negalang will have one block of five classrooms and a playing field. In Kampong Mata Mata, the proposed school will consist of among other things two blocks of twenty-four classrooms, an administration block and a playing field. Work on these schools is expected to start some time this year.

Museum's new visiting hours

KOTA BATU. — The Brunei Museum here announced that with effect from yesterday its visiting hours are 9.00 a.m. to 5.00 p.m. during Tuesday to Thursday as well as Saturdays and Sundays. On Friday, the visiting hours are between 9.00 a.m. to 11.30 a.m. and 2.30 p.m. to 5.00 p.m. The Museum is closed on Monday.

Ferry closed next week

SERIA. — The Brunei Shell Petroleum Company has announced that the ferry service at Kuala Belait river will be closed from 1.00 p.m. to 6.00 p.m. on April 10 and 11. The closure is to enable the company to transport materials and equipment to its new location at Rasau. The company regrets for any inconvenience caused to all ferry users.

KUALA BELAIT. — The biggest ever drilling platform constructed in Brunei (above) was last week towed out to the Fairley field located some 23 miles offshore.

The FADP-D jacket weighing nine hundred and fifty tons and two hundred and twenty-five ft tall was towed by several vessels out of the Belait River on Tuesday and installed the following Thursday. It will be standing in a water depth of two hundred and ten feet and will become operational in August. The jacket was constructed at the Shell marine yard here and is expected to drill eight gas wells and seven oil wells.

Opposition spokesman visits Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — A member of the British Conservative Party, Mr. John Davis, last week visited Brunei as part of a tour of Asia. Mr. Davis who is the opposition spokesman on foreign and commonwealth affairs met His Highness

the Sultan and Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khiri Waddien. He had talks with the British High Commissioner, Mr. James Davidson, before leaving for Australia on Thursday.

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Medical and Health Department will start the annual cholera campaign in the Temburong District this Monday with schoolchildren scheduled to get the first jabs. The campaign will begin in the Belait and Brunei Muara districts on April 24 and 25 respectively and on May 15 in the Tutong District. The department has said that the public should be constantly aware of the increasing incidence of cholera in Singapore and Malaysia. They should therefore take advantage of the immunisation campaign to get themselves immunised against the disease. The department has also advised the public to observe at all times the following usual precautionary measures:—

1. Eat cooked food only.
2. Drink boiled water only.
3. Wash hands with soap before meals.
4. Report to the nearest hospital any cases of diarrhoea and vomiting.
5. Avoid unnecessary travel to known infected areas.



More than four hundred and fifty students took part in the State final of the cross country race for schools held at the Muda Hashim Secondary Malay School sports arena last Thursday (above). The winners received their prizes from the District Officer Awang Haji Yahya bin Haji Harris.

INGAT kepada mati dalam agama Islam ada-lah di-suroh, yang sekurang2-nya sa-kali dalam sa-hari. Tujuan-nya dengan mengingat mati itu, supaya manusia itu sentiasa insaf dan sadar diri, dan ada peringatan bahawa kehidupan di-dunia ini ada perangkan-nya. Kerana itu, hak diri untuk menghadapi mati itu perlu-lah di-sediakan.

Semua orang tahu dan pandai menyebut mati. Apa-kah itu mati? Yang kita tahu dan dapat terangkan, mati itu ia-lah perpisahan roh dengan jasad. Jasad yang terdiri dari tulang, daging, dan darah, kulit dan lain2 akan menjadi kaku apabila tiba saat "mati" itu. Ini-lah yang dapat kita sebut mengenai mati. Orang mati sa-lepas 24 jam lama-nya, akan mula-lah proses pembusukan berlaku ka-atas-nya. Dan beberapa lama kemudian-nya pula akan hancor menjadi tanah. Demikian sa-takat dzahir pengamatan pachaindera kita.

Perkara yang sangat mustahak di-sebut ia-lah firman Allah Ta'ala dalam Surah Ali-Emran ayat 185 yang bermaksud kira2:

"Tiap2 yang bernyawa itu merasai mati. Dan sesungguhnya pahlawan kamu akan di-sempurnakan pada hari kiamat. Maka barang siapa yang di-jauhkan dari-pada neraka dan di-masukkan ka-dalam shurga maka ada-lah orang itu telah beroleh kejayaan. Dan tidak-lah kehidupan di-dunia ini melainkan suatu kesenangan dan tipuan belaka".

Mati itu pasti datang, walau bagaimana pun chara-nya. Pada keseluruhan-nya semua orang takut akan mati, atas beberapa sebab. Antara-nya yang jelas ia-lah takut berpisah dengan segala kesenangan dunia, baik yang berupa harta benda, anak isteri, kedudukan dan sa-bagai-nya. Kerana memang-lah benar, bahawa mati itu bermaana berpisah dari semua itu. Kita selalu melihat orang bertangis2an apabila hendak merantau ka-tempat jauh, sebab sayu dan sedih untuk meninggalkan isteri atau suami dan anak2 yang chomel2. Dan ini chuma berpisah yang sa-kejap, sa-tahun atau dua tahun sahaja, tetapi betapa dengan mati ada-lah pergi yang tidak akan kembali lagi, siapa-kah yang tidak sedih dan sayu?

Di-samping itu, ada lagi jenis ketakutan yang lain, ia-itu takut kerana banyak membuat dosa. Dia takut menghadapi mati dan juga takut menghadapi alam sa-

sudah mati saperti alam kubor dan perbicharaan di-padang Mahshar. Jenis takut yang sedemikian ini, jika ia di-terima dengan penoh kesedaran, barangkali akan dapat mendatangkan hasil yang baik kepada kehidupan sa-seorang. Dari gemar kapada dosa umpama-nya, kita lekas2 bertukar haluan menchari kebajikan sa-berapa yang banyak. Dari chuai dan lalai

menunaikan kewajipan2 terhadap Allah, menjadi orang yang tidak ada pilihan lain melainkan ta'at kapada segala perintah-Nya. Tegass-nya jadi-lah kita orang yang berfikir dan zuhud terhadap dunia yang penoh dengan 1,001 macham chabaran ini, dan itu-lah yang sa-benar2-nya tujuan kita mengingat mati.

Sa-buah hadith Rasulullah

INGAT KAPADA KEMATIAN DI-SUROH OLEH UGAMA

lah s.a.w. riwayat Malik dan Ibnu Majah ada menceritakan yang maksud-nya:

"Sa-orang lelaki dari suku Ansur telah bertanya: "Ya Rasulullah, manakah orang2 Mu'min yang utama?" Sahut Baginda: "Yang paling baik akhlak-nya di-antara mereka." Tanya-nya lagi: "Manakah orang2 Mukmin yang paling cherdek?" Jawab Baginda: "Mereka yang paling banyak mengingat mati dan paling baik persediaan-nya untuk menghadapi sa-sudah mati. Mereka itu-lah orang2, yang paling cherdek".

Berdasarkan hadith ini, mari-lah kita sama2 mengingat mati itu sa-bagai satu chara memperoleh keinsafan yang sa-baik2-nya, keinsafan beragama yang tuliln, ingat akan mati untuk hidup sa-lama2-nya, hidup di-akhirat yang tidak berkesudahan. Orang yang ingat akan mati dengan sa-benar2 ingat, ia-lah orang yang ingat akan akhirat. Orang yang ingat akan akhirat dengan sa-benar2 ingat, ia-lah orang baik, yang sedaya upaya-nya berusaha mendapatkan nikmat akhirat itu dengan kebaikan pula, dengan amal saleh yang sejati.

KHUTBAH JUMAAT



Peranan anak kpdp. ibu-bapa

Bingkisan minggu ini

MATALAMAT hidup setiap individu muslim ada-lah untuk menchari kebenaran Allah s.w.t. Dalam menchari (menyempurnakan) kebenaran dan menuntut keredhaan ini pula tidak ada perbedaan di-antara sa-orang bapa dengan sa-orang anak, di-antara sa-orang ketua dengan raayat biasa; semua-nya ada-lah berhak bersuara dalam memperkatakan sa-suatu yang benar dan di-redhai oleh Allah itu.

Sa-benar-nya peranan sa-orang anak ada-lah penting dan mustahak di-dalam memberi kerjasama untuk membentuk satu masyarakat yang baik dan di-restui oleh Allah. Ia-itu menyeru kapada kebaikan dan membetulkan apa jua kesalahan dan kesilapan yang dilakukan oleh ibu-bapa kita. Bahkan wajib bagi sa-orang anak itu membimbing ibu-bapa-nya ka-arrah memahami ajaran2 Islam dan chara melaksanakan-nya

yang wajar.

Anak yang kita maksudkan di-sini ada-lah anak yang baik; yang berilmu pengetahuan dan beriman serta tahu menghormati orang tua.

Sa-hubungan dengan masaalah ini Allah s.w.t. pernah menceritakan kisah Nabi Ibrahim a.s. dengan bapa-nya yang tidak mahu menerima kebenaran yang di-bawah oleh anak-nya itu sa-bagaimana firman-Nya dalam Surah Maryam ayat 43 yang bermaksud lebeh kurang :

"Wahai bapa ku, sesungguhnya telah datang kapada ku sa-bahagian ilmu pengetahuan yang tidak datang kapada mu, kerana itu ikuti-lah aku, nescaya aku akan menunjukkan kapada mu jalan yang lurus".

Maka ilmu pengetahuan yang di-korbankan oleh Allah kapada kita itu, bukan-lah sa-mata2 untuk di-gunakan bagi tujuan dan kepentingan diri sendiri; untuk merebut nilai tertentu dan pembayaran dari habuan dunia, tetapi ia-nya juga perlu untuk membantu dan

memimpin ibu-bapa, keluarga dan masyarakat ka-arrah kebenaran dan keselamatan hidup di-dunia dan di-akhirat.

Bagi sa-orang bapa atau sa-orang ibu — mereka tentu-nya akan merasa bertuah dan beruntung jika suatu pengajaran dan seruan kebenaran itu datang-nya dari anak kandong mereka sendiri — yang telah mereka asoh dan di-beri belanjaaan untuk belajar. Kerana mereka akan percaya bahawa pengajaran atau tegoran2 "melurusi" itu benar2 di-lahirkan dari sudut hati yang penoh ikhlas dan jujur.

Maka ada-lah satu kezaliman jika kita jenerasi hari ini yang

mempunyai berbagai2 siji dan surat aikan akademik, tapi maseh sampai hati membiarkan ibu bapa kita hidup terumbang ambing, sa-hingga ada di-antara mereka yang maseh berpegang kapada kepercayaan karut marut atau tidak indahkan tuntutan2 agama Islam yang maha suci itu.

Jadi, ada-lah lebeh bijak dan sesuai jika usaha2 (dakwa) pada menyelamatkan mereka (ibu-bapa) itu datang-nya dari anak2-nya sendiri, kerana mereka itu lebeh hampir dan lebeh mengetahui kewibawaan keluarga-nya.

Dalam keluaran ini kita tidak-lah menafikan ada ibu-bapa yang maseh tidak percaya atau mengaki pada keidealan anak-nya, tapi mereka ini kita sifatkan terluar kechil bilangan-nya dan boleh di-selesaikan dengan jalan lain.

Maka yakin-lah bahawa terdapat sa-bilangan besar ibu-bapa yang maseh ternanti2 dan berdo'a siang dan malam — mudah2an akan lahir satu jenerasi muda yang berilmu pengetahuan dan beriman yang sentiasa berusaha dan bekerja untuk membimbing ibu-bapa mereka, keluarga dan masyarakat seluruh-nya (yang perlu dan memerlukan) kapada jalan kebenaran yang di-redhai Allah Ta'ala.

Sambutan Maulud anjoran PERTIWI Kg Ayer

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu sambutan sempana Maulud Nabi Muhammad s.a.w. yang di-anjarkan oleh Persatuan PERTIWI chawangan kampong ayer telah diadakan di-Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah di-Kampung Lurong Dalam baru2 ini.

Sambutan tersebut yang di-hadiri oleh lebeh 200 orang penduduk, murid2 ugama serta jemputan2 khas telah di-serikan dengan bacaan ayat2 suci Al-Kor'an yang di-sembahkan oleh Hj Awang Damit bin Hj Kawang, persembahan nashid dan sharahan khas oleh sa-orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

Penghulu Mukim Burong Pingai Ayer, Awg Hj Abu Bakar bin Hashim yang telah menyumbangkan derma bagi menjayakan sambutan itu telah juga menyampaikan tanda kenang2an kapada peserta yang mengambil bahagian di-sambutan itu.

Majlis pada hari itu telah di-dahului dengan persembahan zikir Merhaban dari-

pada penuntut2 Kelas Zikir Sekolah Melayu Sungai Kebun serta ucapan yang di-sampaikan oleh beberapa orang pemimpin PERTIWI.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 5hb April, 1978 hingga ka-hari Selasa 11hb April, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
5hb April		12.29	3.44	6.33	7.45	4.48	5.03	6.18
6hb April		12.28	3.43	6.32	7.44	4.46	5.00	6.16
7hb April		12.28	3.43	6.32	7.44	4.46	5.00	6.16
8hb April		12.28	3.43	6.32	7.44	4.46	5.00	6.16
9hb April		12.28	3.43	6.32	7.44	4.46	5.00	6.16
10hb April		12.28	3.43	6.32	7.44	4.46	5.00	6.16
11hb April		12.27	3.42	6.32	7.44	4.45	4.59	6.14

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



MAJLIS Ugama Islam Brunei telah memberikan sumbangan yang berjumlah \$1,000 kapada sa-orang muallaf, Awang Othman bin Abdullah bagi pembeanaan rumah-nya di-Kampung Sibut, Daerah Temburong. Wang tersebut telah di-sampaikan oleh Pengiran Haji Tuah bin Pg Mohammad Pemangku, Pengelola Baitol Mal Zakat dan Fitrah dengan di-saksikan oleh Awang Haji Kamaluddin bin Momin, Setia Usaha Baitol Mal Zakat dan Fitrah (saperti dalam gambar). Majlis penyampaian itu berlangsung di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-ibu negeri. (Gambar JHEU).

ANAK2 KITA DI-GREAT BRITAIN

SEJAK awal tahun 50an lagi Kerajaan Duli Yang Maha Mulia telah menghantar penuntut2 Brunei ka-England untuk melanjutkan pelajaran. Penghantaran penuntut2 ka-negeri ini kian bertambah dari sa-tahun ka-sa-tahun. Penuntut2 Brunei perlu mempunyai tempat pertumpuan. Oleh itu Kerajaan telah membeli sa-buah rumah di-34, Leinster Square, Bayswater, London dalam tahun 1964. Rumah ini di-jadikan asrama dan pusat bagi penuntut2 Brunei. Ia di-namakan "Rumah Brunei" yang hanya dapat menampung sa-ramai 24 orang penuntut.

Oleh sebab penuntut2 Brunei kian ramai, rumah itu tidak dapat memainkan peranan sa-bagai asrama. Mulai dalam tahun 1972 Rumah Brunei di-jadikan Rumah Persinggahan sahaja.

